

# UMS platform himpulkan pengusaha IKS Sabah

Oleh Yap Siong Han

UB 26.06.2021 P. 02

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS)

dipilih sebagai universiti rasmi dalam menghimpunkan pemain industri kecil dan sederhana (IKS) Sabah oleh Persatuan Pendidikan Masa Depan Antarabangsa (IFEA) bagi menjayakan aktiviti perkongsian ilmu dan peluang perniagaan halal di Sabah.

Menteri Tugas-Tugas Khas Datuk Mohd Arifin Mohd Arif berkata, industri halal telah menjadi sektor pertumbuhan baru yang mempunyai potensi besar bagi ekonomi negara.

“Peluang perniagaan tidak hanya terbatas kepada sektor makanan dan bukan makanan tetapi mencakupi sektor perkhidmatan seperti kewangan dan perbankan, in-

suran, pendidikan, latihan, penyelidikan, konsultasi, logistik, penjagaan kesihatan dan pelancongan.

“Sabah berpotensi untuk menjadi destinasi utama khususnya dalam industri pelancongan Halal kerana kita mempunyai banyak tarikan semula jadi serta terkenal dengan keramahan penduduk tempatan. Apatah lagi kedudukan wilayah ini yang terletak di tengah-tengah laluan Brunei Darussalam–Indonesia–Malaysia–Philippines (BIMP-EAGA),”katanya ketika merasmikan Seminar Tinjauan Pasaran Halal di Sabah untuk IKS dan Cara Memohon Persijilan Halal secara dalam talian, di sini, kelmarin.

Beliau berkata, peningkatan kemakmuran umat Islam di seluruh dunia dan juga peningkatan kesedaran terhadap

Halal telah mewujudkan permintaan yang tinggi untuk produk serta perkhidmatan ini.

“Malaysia seperti yang kita maklum mempunyai daya saing pengembangan industri halal ini, Malaysia juga terkenal sebagai peneraju industri halal di dunia.

“Para peserta akan mendapat banyak maklumat mengenai pensijilan, standard makanan halal dan sistem pengesanan halal untuk meningkatkan tahap kesedaran bagi mendorong penyertaan perniagaan halal di Sabah,”katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof. Datuk ChM Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin dalam ucapannya memaklumkan, Sabah adalah penyumbang kedua terbesar dalam ekonomi halal di Ma-

laysia.

“Ini tentunya akan membantu meletakkan Sabah sebagai Hab Halal Global seperti yang dibayangkan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

“Oleh itu, pensijilan halal sangat bermakna dan berguna untuk semua IKS terutamanya di negeri ini,”katanya.

Menurutnya, bagi membantu komuniti mendalami industri halal, UMS melalui Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP) turut menyediakan kursus kesedaran halal, kursus eksekutif halal, konsultasi permohonan pensijilan halal oleh Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan.

Hadir sama pada seminar itu Presiden IFEA, Nicholas Hsiu Wei Kong.